

15/10/2002

Tragedi di Bali boleh berlaku di mana saja: PM (HL)

Kadir Dikoh; Rosniza Mohd Taha; Suraiya Mohd Nor; Anida Salwani Abdul KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya tindakan keganasan akan terus berlaku di mana saja di dunia selagi punca yang mendorong perbuatan itu tidak ditangani segera.

Sambil menyifatkan tragedi letupan bom di Bali dan Sulawesi, Indonesia, sebagai malang, Perdana Menteri kesal kerana kuasa besar masih tidak berusaha mengesan punca berlaku keganasan, sebaliknya lebih banyak tindakan yang dibuat hanya meningkatkan lagi kemarahan umat Islam.

"Pada masa ini tahap kebencian, keperitan dan kekecewaan lebih tinggi berbanding pada tempoh selepas saja peristiwa serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 September 2001," katanya selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Beliau mengulas kejadian letupan bom di pusat hiburan di Kuta dan berhampiran konsulat Amerika di Denpasar, Bali serta Konsulat Filipina di Manado, Sulawesi Utara lewat malam kelmarin.

Kerajaan Indonesia hari ini mengesahkan 183 orang terbunuh manakala 311 lagi cedera dalam letupan bom di pusat hiburan di Kuta, manakala tiada korban dan kecederaan dilaporkan dalam kejadian di Denpasar dan Manado.

Bagaimanapun, kedutaan asing memberi perangkaan berbeza mengenai rakyat mereka yang terbabit dalam kejadian di Kuta. Britain mengesahkan 18 rakyatnya mati dan 15 lagi hilang, Jerman (satu mati, 10 hilang), Australia (14 mati, tiada hilang), Sweden (10 hilang), Hong Kong (10 hilang), Singapura (tiga mati, lima hilang), Taiwan (empat hilang), Denmark (tiga hilang).

Wisma Putra pula mengesahkan tiada rakyat Malaysia menjadi mangsa letupan bom di Kuta.

Jurucakapnya berkata, pihaknya sentiasa menghubungi kedutaan dan pihak berkuasa Indonesia serta menempatkan seorang pegawai khas di sana bagi mengetahui perkembangan semasa.

Dr Mahathir percaya tindakan keganasan itu cuma dirancang untuk membalas dendam dan keadaan itu akan terus berlanjutan selagi perasaan benci menular.

"Tidak ada jaminan kita boleh melindungi setiap orang. Suatu hari kita akan terdedah (kepada serangan) dan malangnya kita mungkin berada di tempat yang mana mereka melancarkan serangan, bukan saja kepada pelancong, orang Eropah atau orang bukan Islam, malah orang Islam sendiri mungkin turut diletupkan," katanya.

Ditanya kemungkinan Malaysia akan memperketatkan lagi kawalan keselamatan, Perdana Menteri berkata: "Ya, kita akan melihat aspek keselamatan kita. Saya tidak tahu apa maksud meningkatkan (keselamatan) tetapi kita sudah mengambil langkah termasuk menahan orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Ada orang berpendapat ia tidak demokratik dan anda mesti tunggu sehingga 180 orang (seperti di Bali) diletupkan sebelum anda menahannya. Tetapi amat malang bagi mereka yang terkorban itu. Namun kita akan bertindak mengikut penilaian kita mengenai situasi semasa," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak boleh memberi jaminan penganas tidak akan memasuki negara ini kerana Malaysia dikunjungi 12 juta pelancong setahun.

Beliau berkata, kejadian di Bali juga bukan bermakna Asia Tenggara menjadi lokasi berisiko tinggi kehadiran keganasan kerana ia bukan saja berlaku di Indonesia malah Finland dan banyak tempat lain.

Dr Mahathir juga berkata, bukan mudah untuk mengajak pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengadakan perbincangan mengenai masalah itu.

Namun, beliau mengakui insiden di Bali akan menjejaskan suasana pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia, tetapi pelaburan domestik masih terjamin dan akan terus teguh.

Sementara itu, Presiden Persatuan Syarikat Industri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (SIKKEP), Datuk Yaakub Shah Mohd Ali Shah berkata kira-kira 60 peratus pelanggan yang menempah pakej percutian ke Indonesia dengan ahli persatuan itu, membatalkan tempahan itu sejak pagi ini.

Beliau berkata, ada juga yang menangguhkan percutian sehingga keadaan di Indonesia kembali stabil atau menukar destinasi ke negara Asia lain seperti Thailand, Vietnam dan Filipina.

Timbalan Presiden (Pendidikan dan Latihan) Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta), Ronald Chan, juga mengakui jualan pakej pelancongan ke Indonesia merosot secara mendadak sejak pagi ini.

Beliau yang juga Pengarah Urusan agensi pelancongan Excellence Holidays Sdn Bhd (Excellence Holidays), berkata sekumpulan 30 pelanggan syarikatnya yang kini berada di Indonesia sejak 11 Oktober lalu pula meminta tiket penerbangan paling awal untuk pulang ke Malaysia.

"Satu lagi kumpulan yang sepatutnya bertolak ke Indonesia 25 Oktober ini, menangguhkan percutian itu," katanya.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat Penerbangan Malaysia (MAS), Dr Mohamadon Abdullah, pula berkata insiden di Bali itu tidak menjejaskan operasi MAS ke sana.

"Perkhidmatan MAS ke Bali masih berjalan seperti biasa dan kadar pembatalan tempahan memang ada dan ia disifatkan sebagai normal," katanya.

Ketika ini MAS mengendalikan 28 penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Denpasar dengan dua perkhidmatan pergi dan balik sehari.